

02/05/2003

Rakyat Syria tunggu lawatan bermakna Dr Mahathir Ogos

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

DAMSYIK: Malaysia dan Syria akan membincangkan usaha meningkatkan hubungan

dua hala dan pelbagai isu mengenai konflik Asia Barat ketika kunjungan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke republik itu Ogos ini.

Timbalan Menteri Luar Syria, Walid Muallim, berkata, Perdana Menteri dan

Presiden Bashar al-Assad, dijangka membincangkan usaha ke arah kerjasama lebih rapat dan kukuh serta bantuan Malaysia dalam bidang ekonomi, sains dan teknologi, serta pelancongan kepada Syria.

"Syria dan seluruh rakyatnya sedang menunggu ketibaan Dr Mahathir," katanya dalam pertemuan dengan Pasukan Media Bersama Malaysia (JMTM) di pejabatnya, semalam. Hadir sama Duta Malaysia ke Syria, Datuk Abdullah Sani Omar.

Walid berkata, Syria kagum dan menghargai kepimpinan Dr Mahathir, yang bukan saja berjaya memajukan Malaysia, malah keprihatinannya membantu menyelesaikan masalah di Asia Barat menerusi Pertubuhan Negara Islam (OIC)

dan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM).

"Syria menyanjung Malaysia, khususnya Dr Mahathir dan berharap sebagai anggota OIC dan NAM, kedua-dua negara boleh menjalin kerjasama lebih kukuh. Syria mahu mendapatkan manfaat hasil kejayaan Malaysia dalam bidang ekonomi, teknologi dan pelancongan.

"Agenda ekonomi amat penting bagi menggalakkan peniaga mengunjungi antara satu sama lain. Kunjungan ini bakal menjadi titik permulaan hubungan dua hala yang lebih rapat kedua-dua negara," katanya.

Walid juga berkata, oleh kerana Dr Mahathir adalah pengerusi NAM dan bakal mengetuai OIC, beliau dan Bashar dijangka membincangkan secara serius isu berhubung penaklukan Iraq oleh Amerika Syarikat (AS) dan sekutunya, keadaan di negara itu selepas penaklukan serta isu Arab-Israel, termasuk perdamaian di Palestin.

Mengenai sokongan negara Islam dan Arab terhadap cadangan Syria kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) supaya diharamkan senjata pemusnah

besar di Asia Barat, beliau berkata, sebagai ahli Majlis Keselamatan, Syria mengemukakan cadangan berkenaan mewakili kumpulan negara Arab.

Katanya, selain disokong oleh kumpulan negara Arab dan NAM, wakil Malaysia di PBB turut menyokong inisiatif Syria yang bertujuan mengelak ketegangan dan mencapai kestabilan berterusan di Asia Barat berikutan kedegilan Israel keluar daripada wilayah yang didudukinya di Palestin dan Syria.

Berhubung pandangan AS yang bersetuju tetapi memberi alasan ia tidak sesuai pada masanya sehingga penyelesaian komprehensif konflik Arab-Israel, Walid berkata, ia sepatutnya menjadi permulaan kepada penyelesaian

konflik berkenaan dan seterusnya mewujudkan keyakinan dan kestabilan di

Asia Barat.

Ditanya sama ada AS jujur dengan sokongannya itu, beliau berkata: "Ia adalah soalan yang sukar untuk dijawab, tetapi sama ada AS berniat baik atau buruk, sejak beberapa dekad lalu kita tidak merasai kejujuran AS terhadap masalah di Arab. Apa yang kita lihat, AS lebih kepada Israel.

"Bagaimanapun, kita harap AS akan melihat secara lebih objektif mengenai masalah di wilayah ini."

Walid juga ditanya mengenai kemungkinan AS mengenakan sekatan perdagangan terhadap Syria berikutan dakwaan negara itu memiliki senjata kimia dan melindungi pemimpin Iraq yang lari selepas penaklukan negara itu.

Beliau berkata, ia tidak akan memberi kesan teruk kepada ekonomi Syria kerana ia tidak menerima sebarang bantuan dari AS, sebaliknya syarikat AS, termasuk dalam sektor petroleum, akan terjejas kerana tidak mendapat perniagaan di negara ini.

Mengenai pendudukan haram Israel terhadap wilayah Syria di Bukit Golan,

Walid berkata, bagi Syria, ia amat mudah jika rejim Yahudi itu mematuhi resolusi Majlis Keselamatan PBB dan perbincangan serta proses damai yang diusahakan sejak penaklukan pada 1967.

"Kita mahu inisiatif itu dipatuhi kerana ia adalah penyelesaian kepada konflik Arab-Israel. Justeru, ia bukan terserah kepada kita, sebaliknya terpulang kepada Israel mematuhi keputusan PBB," katanya. - JMTM